



## PERATURAN MAJLIS TILAWAH AL-QURAN NEGERI SARAWAK (SEMAKAN 2006)

### 1. JENIS MAJLIS TILAWAH AL-QURAN

Majlis Tilawah Al-Quran dijalankan dalam beberapa peringkat:

- 1.1 Peringkat Daerah
- 1.2 Peringkat Bahagian
- 1.3 Peringkat Negeri

### 2. KATEGORI PENYERTAAN

- 2.1 Qari Dewasa
- 2.2 Qariah Dewasa
- 2.3 Qari Remaja **[Dimansuhkan – Pindaan 2010]**
- 2.4 Qariah Remaja **[Dimansuhkan – Pindaan 2010]**

### 3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan Tilawah Al-Quran di Peringkat Daerah, Bahagian dan Negeri adalah seperti berikut:

- 3.1 Beragama Islam.
- 3.2 Berumur tidak kurang daripada **18 tahun** bagi Qari dan Qariah.
- 3.3 Warganegara Malaysia.
- 3.4 Bermastautin di daerah ianya hendak menyertai Tilawah Al-Quran sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** untuk **dalam negeri Sarawak** dan **dua (2) tahun untuk peserta-peserta negeri lain** sebelum tarikh Tilawah dijalankan dengan mendapat pengesahan pegawai berkenaan. Qari atau Qariah boleh menyertai Tilawah di Daerah asal dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan setelah berpindah ke Daerah lain.
- 3.5 Setiap peserta hanya boleh menyertai sekali sahaja dalam mana-mana Majlis Tilawah Al-Quran di Peringkat yang sama dalam tahun berkenaan.
- 3.6 Setiap peserta hendaklah mengisi dan menyerahkan borang penyertaan Majlis Tilawah Al-Quran kepada urusetia Majlis Tilawah Al-Quran yang berkenaan.

- 3.7 Setiap peserta hendaklah mengundi sendiri giliran membaca.
- 3.8 Setiap peserta hendaklah mengundi sendiri ayat/surah yang hendak dibaca **sekurang-kurang dua (2) jam dan tidak melebihi enam (6) jam** sebelum Majlis Tilawah Al-Quran dijalankan. [Pindaan 2004]
- 3.9 Urusetia kehakiman bolehlah menggunakan budi bicaranya berhubung peraturan 3.7 dan 3.8 dengan mewakili orang lain sekiranya peserta berkenaan uzur.
- 3.10 Peserta dikehendaki berada di Majlis Tilawah Al-Quran sekurang-kurang setengah jam sebelum giliran membaca.
- 3.11 Setiap peserta hendaklah mengisi dan menyerahkan borang penyertaan Tilawah Al-Quran kepada urusetia Majlis Tilawah Al-Quran yang berkenaan.
- 3.12 Setiap calon akan membaca ayat yang ditetapkan selama 10 minit di semua Peringkat iaitu Peringkat Daerah, Peringkat Bahagian dan Negeri. [Pindaan 2008]
- 3.13 Setiap calon hendaklah berpakaian lengkap kemas dan bersesuaian dengan Majlis Tilawah Al-Quran.
- 3.14 Setiap peserta yang gagal menyempurnakan syarat-syarat tersebut maka penyertaannya dalam Majlis Tilawah Al-Quran boleh dibatalkan.

#### **4. PENGIKTIRAFAN MAJLIS TILAWAH AL-QURAN**

- 4.1 Setiap keputusan Majlis Tilawah Al-Quran disemua peringkat hendaklah diisytiharkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim atau wakilnya. [Pindaan 2004]
- 4.2 Ulasan secara ringkas dan padat di atas prestasi Majlis Tilawah Al-Quran bolehlah dibuat oleh Pengerusi Jemaah Hakim atau wakilnya sekiranya perlu. [Pindaan 2004]
- 4.3 Johan Peringkat Negeri Qari dan Qariah akan mewakili Negeri ke Peringkat Kebangsaan kecuali jika terdapat keuzuran Johan tersebut maka hendaklah diwakili oleh Naib Johan.
- 4.4 Johan Menunggu hanya diperuntukkan kepada Johan Peringkat Bahagian dan Negeri sahaja.
- 4.5 Johan Peringkat Negeri pada satu-satu tahun hanya dibenarkan menunggu pada tahun yang berikutnya sahaja.
- 4.6 Qari dan Qariah yang menjadi Johan di Peringkat Negeri layak menjadi Johan menunggu sebanyak dua (2) kali sahaja. Selepas itu beliau hendaklah berehat dua (2) tahun dari tarikh Majlis Tilawah terakhir yang disertainya dan layak menyertai Majlis Tilawah Peringkat Negeri, selepas tempoh rehat itu.

## 5. **FORMAT MAJLIS TILAWAH AL-QURAN NEGERI SARAWAK**

Sebagai jalan untuk meningkatkan persaingan dan mutu Tilawah Al-Quran, satu format telah diwujudkan. Di samping mengekalkan tradisi mengadakan pertandingan di Peringkat Daerah, Bahagian dan Negeri, kita juga ingin meningkatkan mutu Tilawah Al-Quran dikalangan peserta-peserta di Peringkat Negeri. Oleh yang demikian hanya pada Qari dan Qariah yang benar-benar tinggi mutu Tilawah Al-Quran sahaja layak dan patut bertanding di Peringkat Negeri. Seseorang Johan Peringkat Daerah tidak secara automatik ke Peringkat Bahagian dan Johan Bahagian tidak lagi secara automatik layak ke Peringkat Negeri.

### 5.1 **PERINGKAT DAERAH**

- (i) Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah akan terus diadakan tanpa had bilangan peserta yang akan mengambil bahagian. [Pindaan 2004]
- (ii) Satu panel hakim yang sama hendaklah menghakimi Tilawah Al-Quran di semua Daerah dalam Bahagian berkenaan. Hakim-hakim boleh menentukan Johan, Naib Johan dan seterusnya. Tetapi Johan sesuatu Daerah tidak secara automatik mewakili Daerah di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Bahagian.

### 5.2 **PERINGKAT BAHAGIAN**

- (i) Setelah menghakimi semua Tilawah (bacaan) dari semua peserta dari semua Daerah, panel hakim akan menentukan lima (5) orang Qari dan lima (5) orang Qariah yang mendapat markah tertinggi dan Johan-Johan Menunggu Peringkat Bahagian (satu (1) Qari dan satu (1) Qariah) untuk menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Bahagian.
- (ii) Panel Hakim Khas akan menghakimi Majlis Tilawah Al-Quran di semua Bahagian. Mereka akan memilih Johan, Naib Johan dan tempat Ketiga peringkat satu-satu Bahagian. Namun demikian ini tidak bererti yang Johan Bahagian secara automatik mewakili Bahagian berkenaan ke Peringkat Negeri. [Pindaan 2007]

### 5.3 **PERINGKAT NEGERI**

- (i) Setelah menghakimi di semua Bahagian, panel hakim akan memilih **sebelas (11) orang Qari** dan **sebelas (11) orang Qariah** yang mendapat markah tertinggi untuk mengambil bahagian dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri. (Pindaan 2008)
- (ii) Hanya **lima (5) orang Qari dan lima (5) orang Qariah** yang terbaik sahaja dari mana-mana Bahagian layak ke Peringkat Negeri walaupun ke semua Qari dan Qariah dari Bahagian berkenaan layak mengambil dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri. [Perenggan Tambahan 2006] [Pindaan 2010]
- (iii) Hanya Qari dan Qariah yang memperolehi markah 78% ke atas sahaja layak dipilih untuk menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri. Oleh yang demikian, peruntukan para 5.3 (ii) tidak terpakai jika peserta-peserta dari bahagian lain mendapat markah kurang daripada 78%.

- (iv) Seorang Johan Qari dan seorang Johan Qariah Menunggu dan Johan atau Johan-Johan Qari atau Qariah yang direhatkan selama dua (2) tahun (jika ada) akan juga turut serta dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri. Johan-Johan peringkat ini secara automatik mewakili Negeri Sarawak ke Peringkat Kebangsaan.
- (v) Sekiranya tidak ada wakil dari Qari atau Qariah yang mewakili tuan rumah pada tahun penganjuran maka dibenarkan menghantar sama ada Johan Qari atau Qariah yang markahnya tertinggi untuk mewakili Bahagian tersebut. (Perenggan Tambahan 2004)

### **CONTOH PERINGKAT DAERAH**

Daerah A		Daerah B		Daerah C	
1.	<b>86%</b>	1.	<b>83%</b>	1.	<b>82%</b>
2.	<b>84%</b>	2.	<b>82.5%</b>	2.	69%
3.	81%	3.	70%	3.	65%
4.	81%	4.	65%	4.	62%
5.	80.5%	5.	62%		
6.	78.5%				
7.	78%				
8.	75%				

### **KEPUTUSAN PEMILIHAN**

Peserta yang layak **ke Peringkat Bahagian X** adalah:

Peserta 1 dan 2 dari Daerah A dan Peserta 1 dan 2 dari Daerah B dan Peserta 1 dari Daerah C.

### **CONTOH PERINGKAT BAHAGIAN**

Bahagian W		Bahagian X		Bahagian Y		Bahagian Z	
1.	<b>85%</b>	1.	<b>80.5%</b>	1.	<b>79%</b>	1.	77.5%
2.	<b>84%</b>	2.	<b>80%</b>	2.	<b>78%</b>	2.	77%
3.	<b>83%</b>	3.	<b>79%</b>	3.	72%	3.	70%
4.	<b>82%</b>	4.	70%	4.	70%	4.	67%
5.	<b>81.5%</b>	5.	68%	5.	68%		
6.	80%	6.	67%	6.	65%		

### **KEPUTUSAN PEMILIHAN**

Peserta yang layak **ke Peringkat Negeri** ialah:

Peserta 1, 2, 3, 4 dan 5 dari Bahagian W

Peserta 1, 2 dan 3 dari Bahagian X

Peserta 1 dan 2 dari Bahagian Y

Tiada peserta yang layak dari Bahagian Z

## **6. SYARAT, PERATURAN DAN FORMAT KHAS BAGI KATEGORI REMAJA [Perenggan Tambahan 2008] (Dimansuhkan – Pindaan 2010)**

- 6.1 Semua syarat dan peraturan seperti di atas adalah terpakai untuk Majlis Tilawah Al-Quran Kategori Remaja kecuali yang dinyatakan secara spesifik dalam syarat peraturan ini.
- 6.2 Majlis Tilawah Al-Quran Kategori Remaja hanya diadakan pada Peringkat Bahagian dan Negeri sahaja.
- 6.3 Umur penyertaan bagi Kategori Remaja adalah 13 tahun hingga 17 tahun.
- 6.4 Kaedah penyertaan dan pemilihan peserta adalah seperti berikut:
  - (i) **Peringkat Bahagian**  
Penyertaan adalah **TERBUKA** kepada semua remaja yang layak dalam bahagian berkenaan. Hanya **tiga (3) orang Qari dan tiga (3) Qariah Kategori Remaja** dibenarkan untuk menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Bahagian. Sekiranya penyertaan lebih daripada tiga (3) orang Qari dan/atau lebih daripada tiga (3) Qariah, maka hendaklah diadakan penghakiman saringan oleh Panel Hakim Daerah bagi memilih **TIGA (3) orang Qari dan TIGA (3) orang Qariah Kategori Remaja** untuk menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Bahagian.
  - (ii) **Peringkat Negeri**  
Hanya **LIMA (5) orang Qari dan LIMA (5) orang Qariah** yang mendapat markah tertinggi dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Bahagian-Bahagian layak dipilih menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri.
- 6.5 Masa yang dibenarkan untuk setiap calon membaca ayat-ayat Al-Quran ialah selama **8 MINIT** untuk kedua-dua Peringkat Bahagian dan Negeri.

## **7. PINDAAN KEPADA PERATURAN**

- 7.1 Syarat-syarat dan peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan yang akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan demi mempertingkatkan mutu penganjuran dan memberikan kesaksamaan kepada semua pihak yang terlibat.
- 7.2 Pindaan kali terakhir dibuat pada: **Isnin, 4 Januari 2010M / 18 Muharam 1431H.**